

Refleksi Diri

Assalamualaikum w.b.t, sebagai pembuka bicara, saya Mohamad Zulkamal Bin Anwar, melafaskan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat saya sempurnakan setiap aspek projek komuniti ini bagi subjek **UHAK1012-24**, Graduate Success Attributes ini.

Sebelum melangkah ke intipati refleksi seterusnya, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah subjek **UHAK1012-24**, Dr Syamsul Hendra B. Mahmud kerana telah banyak menyumbangkan jasa dan tenaga dalam memberikan tunjuk ajar sebelum dan sepanjang projek komuniti ini dijalankan. Komitmen beliau sangat tinggi dalam memastikan setiap daripada kami dapat mengikuti interaksi dengan berkesan telah mendorong saya dan ahli kumpulan yang lain untuk turut memberi kerjasama yang terbaik dan maksimum. Tidak ketinggalan kepada rakan-rakan ahli yang sudi berkongsi dan bertukar-tukar pendapat dan pandangan sepanjang projek komuniti ini berlangsung.

Sesungguhnya, projek komuniti yang diberikan ini semestinya memberikan satu impak yang besar dan mendalam terhadap diri saya dan setiap individu yang terlibat. Setiap input yang diperoleh sepanjang melaksanakan projek ini sangat berharga serta berguna untuk dipraktikkan apabila sudah berkerjaya. Melalui pelaksanaan projek ini, saya menyedari betapa pentingnya penerapan kemahiran berfikir dalam kalangan para pelajar. Kemahiran berfikir ini mendorong para pelajar untuk membuat penilaian dan mengaplikasikan apa yang telah dipelajari di dalam kelas.

Selain itu, komunikasi antara para pelajar bersama komuniti turut memainkan peranan besar dalam menjayakan projek ini. Hal ini kerana setiap komunikasi yang berlaku mencerminkan diri setiap individu. Apabila berlaku ketidaksefahaman atau pergaduhan kecil di antara pelajar dan penduduk akan menjatuhkan imej dan nama baik sebagai seorang pelajar. Oleh itu, setiap pelajar perlu berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik, juga bertukar pandangan dan pendapat dengan cara yang baik ketika bersama penduduk.

Kesimpulannya, projek komuniti ini memberi satu pengalaman yang sangat berharga di mana saya dan rakan sekumpulan dapat melaksanakan tugas dengan sepenuh hati. Bagi saya, pengalaman baru seperti ini merupakan batu loncatan yang bernilai untuk memperbaiki diri dan membawa saya ke aras yang lebih tinggi. Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu untuk projek komuniti ini. Sekian.